

# 86 peratus graduan UMS berkerjaya

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 27.11.2011 13

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebanyak 86.2 peratus dari segi kebolehpasaran graduan tahun 2010.

Naib Canselor UMS, Briged Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata data berkenaan diperolehi melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi.

Menurutnya, kajian itu dibuat selepas enam bulan para pelajar menamatkan pengajian dan pihaknya mendapati 55 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan.

“Walau bagaimanapun, selepas tindakan susulan dilaksanakan, UMS

mendapati pencapaian sebenar adalah sebanyak 86.2 peratus,” katanya ketika berucap sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 UMS di sini kelmarin.

Ketua Menteri yang juga Pro Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman adalah tetamu kehormat yang menyampaikan sijil kepada para graduan pada majlis itu.

Kamaruzaman berkata, Kementerian Pengajian Tinggi turut mengiktiraf kaedah yang digunakan oleh UMS bagi mengesan graduannya adalah yang terbaik antara institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain.

Tambahnya, perkara itu sememangnya membanggakan UMS terutamanya dari segi peningkatan pencapaian cemerlang akademik para graduan dan tahap kemahiran insaniah serta kebolehpasaran graduan UMS dalam pasaran buruh.

Selain itu, katanya, sempena dengan konvokesyen tahun ini, seramai 72 graduan Sarjana Muda berjaya memperolehi Ijazah Kelas Pertama.

“Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 4,408 graduan menerima sijil dalam bidang masing-masing.

“Ia termasuklah dua orang penerima Ijazah Kehormat, 16 orang Ijazah Doktor Falsafah, 273 graduan Ijazah Sarjana, 4,052 penerima Ijazah Sarjana Muda, dan lima graduan Ijazah Sarjana Muda (Posthumuous),” katanya.

Buat pertama kalinya tahun ini, kata Kamaruzaman, UMS berjaya melahirkan graduan sulung peringkat diploma seramai 60 orang.

Katanya, ia termasuklah 37 graduan Diploma Kejururawatan dan 23 lagi graduan Diploma Teknologi Makmal Perubatan.